

## Personaliti pilihan

Pelbagai individu dan personaliti mewarnai halaman akhbar ini setiap hari, sepanjang minggu. Setiap personaliti melambangkan kisah berbeza; yang mencerminkan ketabahan, kesungguhan dan kejayaan – semuanya bertujuan menyuntik semangat dan sifat bangga dalam kalangan pembaca. Dalam sajian personaliti yang kami laporkan, BH/BM memilih seorang/sekumpulan yang paling meninggalkan kesan.

### Pakar mata palsu di NUH



TUGAS yang unik dan memberi manfaat besar kepada pesakit.

Demikian pekerjaan yang dilakukan Cik Suriya Abu Waled, 49 tahun, yang merupakan satu-satunya pakar mata palsu di Hospital Universiti Nasional (NUH).

Beliau merupakan pakar 'ocularist' atau pakar mata dengan kepakaran membuat dan memasang prostesis mata bagi mereka yang kehilangan pancaindera.

Dari pemegang sijil GCE peringkat 'O' ke pakar pengimejan oftalmologi hingga menjadi satu-satunya pakar mata palsu, Cik Suriya kini bukan sahaja mempunyai pelanggan tempatan bahkan mendapat perhatian daripada pesakit mata dari pelbagai negara kerana kepakarannya yang unik.

Selain Singapura, kebanyakan pesakitnya juga dari Indonesia, Vietnam, Myanmar, Brunei, Malaysia dan Arab Saudi.

Kehilangan mata, sama ada disebabkan oleh kemalangan atau penyakit sememangnya boleh menjejaskan kehidupan seseorang.

Justeru, pemasangan mata prostesis mata akan meningkatkan mutu kehidupan mereka yang terjejas.

Dalam proses pembikinan prostesis mata, beliau menyatakan perlu ada banyak kesabaran dan juga empati yang mendalam kepada pesakit yang telah kehilangan daya penglihatan kerana trauma atau penyakit seperti barah atau glaukoma sehingga perlu pembedahan untuk membuang mata.

Kejayaan Cik Suriya memang membanggakan, apatah lagi tekad beliau untuk terus meraih ilmu walau perlu ke India mempelajari selok-belok tugasnya.

Pencapaian dan tekad mahu terus meraih ilmu beliau wajar dicontohi oleh masyarakat Melayu/Islam setempat. ►Foto SISTEM KESIHATAN UNIVERSITI NASIONAL